



**LAPORAN LIPUTAN MEDIA HARIAN
JUMAAT 9 OKTOBER 2020**

BIL	TAJUK KERATAN AKHBAR	KEMENTERIAN / JABATAN / AGENSI
1. 2. 3.	MAQIS RAMPAS 281KG SERAI TANPA PERMIT, LOKAL, HM -20 MAQIS RAMPAS 233 PAKET KAPSUL BAJA ORGANIK DARI THAILAND, NEGARA, KOSMO -18 SELUDUP LEMBU GUNA PERAHU GAGAL, DALAM NEGERI, UM -10	JABATAN PERKHIDMATAN KUARANTIN DAN PEMERIKSAAN MALAYSIA (MAQIS)
4.	PROTECTING MALAYSIAN TURTLES, ONE STEP AT A TIME, LIFE & ARTS, THE MALAYSIAN RESERVE -24	JABATAN PERIKANAN MALAYSIA (DOF)
5.	CABARAN MENJUAL PRODUK HASIL TANI, AURA, KOSMO -30	LAIN-LAIN

UKKMAFI

**UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN
(UNTUK EDARAN DALAMAN MAFI, JABATAN DAN AGENSI SAHAJA)**

Maqis rampas 281kg serai tanpa permit

Padang Besar: Jabatan Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia (Maqis) merampas 281 kilogram (kg) serai tanpa permit bernilai lebih RM1,000 di Unit Kargo, Kompleks Imigresen, Kastam, Kuarantin dan Keselamatan (ICQS) Padang Besar, Isnin lalu.

Pengarah Maqis Perlis Mohamad Arshad Raffin berkata, pada kejadian jam 6.30 petang, dua warga Thailand didapati membawa serai itu bersama kotak mengandungi badik jagung dan petai yang memiliki permit sah.

“Pegawai Maqis yang me-

lakukan pemantauan ke atas pacuan empat roda itu mengarahkan kenderaan terbabit berhenti untuk pemeriksaan.

“Selepas semua kotak terbabit diperiksa, pegawai kami menemui serai disorok di tempat simpanan barangan kenderaan selain ia tidak berpermit,” katanya pada kenyataan, semalam.

Beliau berkata, kedua-dua lelaki terbabit mengaku serai itu cuba diseludup ke negara ini dan untuk dipasarkan ke pasaran tempatan.

“Kedua-duanya dikompaun manakala serai terbabit dirampas,” katanya.

Maqis rampas 233 paket kapsul baja organik dari Thailand

SEBERANG PERAI – Tindakan seorang wanita membeli baja organik dari Thailand tanpa permit yang sah mengundang padah apabila barangan tersebut dirampas Jabatan Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia (Maqis) negeri di sebuah pejabat pos di Bukit Mertajam di sini kelmarin.

Rampasan dibuat hasil pemeriksaan Maqis dengan Jabatan Kastam Diraja Malaysia kira-kira pukul 8.40 pagi.

Pengarah Maqis negeri, Zarina Ramli berkata, usaha membawa masuk produk organik dalam bentuk kapsul tersebut digagalkan pihaknya selepas didapati tidak mempunyai sebarang dokumen dan permit import yang dikeluarkan Maqis.

“Kita merampas sebanyak 233 paket kapsul terdiri daripada 176

paket kapsul berwarna merah merah, (23) biru dan putih, (17) hijau dan putih serta (17) merah dan putih.

“Kapsul berisi baja organik itu dianggarkan bernilai RM2,860 dan diletakkan di beberapa bungkusan berasingan,” katanya pada sidang akhbar di pejabat Maqis negeri di sini semalam.

Zarina berkata, siasatan mendapati produk berkenaan adalah milik seorang wanita tempatan berusia 30-an.

“Wanita berkenaan membelinya secara online dari Thailand dan baja tersebut adalah dipercayai bagi kegunaan tanaman,” katanya lagi.

Menurutnya, kes tersebut disiasat mengikut Seksyen 11(1) Akta Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia 2011 (Akta 728).



ANTARA kapsul baja organik yang dirampas Maqis Pulau Pinang kerana tidak mempunyai permit import.

9/10/2020

UTUSAN
MALAYSIADALAM
NEGERI

10

Seludup lembu guna perahu gagal

RANTAU PANJANG: Cubaan menyeludup sembilan ekor lembu ke negara ini menggunakan pangkalan haram di sini, gagal apabila usaha itu berjaya dipatahkan anggota Pasukan Gerakan Am (PGA) Batalion 7 Kuantan, semalam.

Kesemua lembu yang dianggarkan bernilai RM54,000 itu dibuat ketika haiwan tersebut dibawa melintasi Jalan Kasban, di sini pada pukul 4 pagi semalam.

Pegawai Pemerintah PGA Batalion 7, Superintenden Azhari Nusi berkata, bertindak atas maklumat, sepasukan anggota telah membuat intipan di kawasan semak berhampiran tebing sungai pangkalan haram Pos Relia.

Menurutnya, semasa intipan dilakukan, anggota PGA telah melihat sekumpulan lelaki sedang menarik beberapa ekor lembu menyeberangi sungai menggunakan perahu dari Thailand ke tebing sungai di pangkalan haram tersebut.

"Anggota PGA kemudian terus mengekori pergerakan lembu-lembu tersebut.

"Bagaimanapun pergerakan anggota PGA telah disedari oleh



SEBAHAGIAN lembu yang dirampas PGA Batalion 7 Kuantan dalam serbuan di Jalan Kasban, Rantau Panjang, semalam dibawa ke pusat kuarantin.

'tentera semut' berkenaan yang terus bertindak melarikan diri ke kawasan hutan berhampiran Jalan Kasban," katanya.

Azhari memberitahu, pemeriksaannya oleh anggota PGA di kawasan sekitar membawa kepada

penemuan sembilan ekor lembu seludup.

"Hasil siasatan awal mendapati kesemua lembu itu diperkayai diseludup dari negara jiran melalui Sungai Golok menggunakan perahu.

"Ternakan ini dibawa masuk untuk memenuhi permintaan pasaran tempatan," ujarnya.

Azhari berkata, kes disiasat bawah Seksyen 11(1) Akta Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia 2011.

Headline	Protecting Malaysian turtles, one step at a time		
MediaTitle	The Malaysian Reserve		
Date	09 Oct 2020	Color	Full Color
Section	Life & Arts	Circulation	12,000
Page No	24	Readership	36,000
Language	English	ArticleSize	812 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 8,554
Frequency	Daily	PR Value	RM 25,662



PORT DICKSON • From July to November every year, Hishamudin Abd Manap dutifully walks for three kilometres along the coast and navigates hill slopes for almost 30 minutes daily to collect turtle eggs. He could not be prouder in playing his part in conservation efforts for the endangered marine animals.

Hishamudin, 49, affectionately called Along, who works as a part-time supervisor at a turtle conservation and hatchery centre at a resort here, said he gives his best in carrying out his job, being fully aware of the responsibility of caring for the animals that often get the attention of many people.

"I have been handling turtles for almost 10 years now due to my deep interest in marine life. I am fully aware that if its population is not protected, it may face extinction," he told *Bernama* in Port Dickson, Negri Sembilan, recently.

Recounting one of the most challenging things in performing his job, Along said it is important to ensure that the position and arrangement of turtle eggs to be placed in the turtle hatchery is the same as when collected in the nest.

He said to avoid confusion, each egg will be marked with its original position using a pencil, and be collected carefully.

"Turtle eggs are sensitive — when the mother lays eggs and they fall into the sand, the baby turtle's head automatically points towards the surface. That is why it is important that the position is not changed accidentally."

"The turtles will land on the beach up to four times in any one season. The first time, they will lay about 150 eggs, then they will go down to the sea and back to the beach again 10 days later to lay eggs, the number of eggs will be slightly reduced, and so on," he said.

The father of eight said the egg collection season is from July to November and he will usually supervise between seven and eight nests, while egg collection will be done between 1am and 3am as at that time the turtles will lay their eggs.

He said those who perform this activity must obtain a licence to carry out landing, monitoring and collecting turtle eggs in advance from the Fisheries Department.

"In Negri Sembilan, only a friend and myself have a licence to carry out this job. Members of the public are not allowed to



Protecting Malaysian turtles, one step at a time

The public is urged not to disturb the endangered marine animals and not to take their eggs

To avoid confusion, each egg will be marked with its original position using a pencil, and be collected carefully

collect the eggs at will, as I have had to undergo a landing, monitoring and turtle hatchery management course for that purpose," he said.

The Negri Sembilan native said the eggs would be moved to the resort, which runs a turtle conservation and hatchery, in collaboration with the Negri Sembilan Fisheries Department (JPNS), to incubate.

"At the centre, we look after the eggs while they incubate, and once they hatch, we will put them in a pond. This is part of our efforts to increase the number of turtles on the coast of this state, especially Tanjung Gemuk Beach, Port Dickson, as they will be released to the ocean when they are slightly bigger in size, at two or three months old," he said.

Meanwhile, JPNS director Halimi Abu Hanip said during this year, a total of 170 hawksbill sea turtles have been released in the coastal waters of Negri Sembilan.

"There are two species of turtles in this state. Apart from the hawksbill, we also have green turtles, with their popular landing locations being in Tanjung Tuan, Port Dickson, and several other locations," he said.

He urged the public not to disturb the endangered marine animals and not to take their eggs as turtles are protected under the Negri Sembilan (Turtles and Turtle Eggs) Rules 1976 and the Fisheries Act 1985.

Meanwhile, Universiti Malaysia Terengganu's Sea Turtle Research Unit head Dr Mohd Uzair Rusli said it is important to save the species to preserve the balance of the ocean's ecosystem, especially for the country's fisheries sector.

He said there are four species of turtles in the country, namely, leatherback, hawksbill, green and olive ridley, and each species has a different role that is important to the ecology of the ocean.

"For example, the leatherback turtles serve to control the jellyfish population. The absence of the turtle causes the jellyfish population to increase sharply and this causes a reduction in fish stocks, as the jellyfish will eat the fish eggs and affect the fish supply.

"Meanwhile, the green turtle is important to maintain the health of the fish conservation area, which is seaweed, and serves as a place for the young fish to take refuge," he said.

Hawksbill turtles, on the other hand, serve to eat the crown of thorns starfish that are commonly found in coral reef ecosystems, he explained.

"The absence of hawksbill turtles allows the crown of thorns starfish to breed more aggressively and dominate the coral reef ecosystem which affects the provision of food for fish," he said. — *Bernama*



It is important to save the species to preserve the balance of the ocean's ecosystem



There are 4 species of turtles in the country, namely, leatherback, hawksbill, green and olive ridley

Cabaran menjual produk hasil tani

Oleh SAJRUL ZAMRI MISRANI

TUMBUHAN herba sejak sekian lama diketahui menjadi amalan pemakanan harian masyarakat negara ini, bukan saja untuk mengekalkan kesihatan dalaman, malah sebagai petua untuk kekal awet muda.

Halia misalnya, herba popular dengan rasa pedas, memiliki sifat perubatan dan dikatakan memberi manfaat kesihatan yang sudah digunakan sejak berzaman.

Selain itu, lemon antara buah sitrus yang kaya dengan nutrien penting diperlukan badan, terutamanya vitamin C. Ia amat enak dijadikan minuman dan sedikit perahannya ke dalam masakan mampu menaikkan rasa hidangan.

Menyadari khasiat dan keistimewaan kedua-dua bahan itu, mendorong Nur Maisarah Shahirah Mohd. Bistari untuk tampil dengan produk minuman Jus Halia Akhtar dan Lemon Juice Detox ciptaannya yang semakin mendapat tempat dalam kalangan penggemar minuman itu.

Menurut Nur Maisarah Shahirah, ilham mengeluarkan produk itu tercetus daripada amalan meminum jus berkenaan dan turut mengakui, banyak perubahan dirasakan terhadap dirinya sejak menjadikan jus itu sebagai minuman harian.

"Tambah pula saya pernah berdepan masalah berat badan. Selepas amalkan minuman jus halia dan lemon ini, berat badan menurun dan orang sekeliling nampak perubahan terhadap bentuk badan saya.

"Sejak itu, saya terfikir mengapa tidak berkongsi amalan ini dengan orang ramai khususnya wanita yang berdepan masalah sama.

"Tidak sangka jus yang saya hasilkan mendapat sambutan menggalakkan terutama dalam kalangan wanita berkerjaya yang tidak punya banyak masa untuk menghasilkan sendiri minuman ini.

"Tambah pula, kedua-dua jus ini tiada campuran bahan seperti gula, garam, penambah perisa, pewarna mahupun bahan pengawet agar semua golongan boleh menjadikannya sebagai minuman harian," katanya.

Beroperasi di Kedah, produk jus halia yang dibotolkan untuk memudahkan pelanggan itu



SOKONGAN suami menjadi salah satu faktor untuk Nur Maisarah Shahirah terus mengecapi kejayaan dalam perniagaan.

katanya menggunakan 100 peratus bahan semula jadi dengan bahan utama iaitu halia, lemon dan asam gelugur.

Katanya, dia menggunakan halia bentong yang dibeli secara borong dari ladang di Arau, Perlis.

Halia itu dipilih kerana kandungan serat yang sangat rendah dan berisik bendalir yang akan menghasilkan lebih banyak jus dan diiktiraf sebagai halia terbaik di dunia.

Sementara jus lemon dihasilkan mengikut resipi tradisi dengan kandungan buah lemon dan limau bermutu tinggi.

Menurut usahawan muda yang baru menginjak usia 27 tahun itu, dia sentiasa memastikan kualiti produk pada tahap terbaik agar terus diterima ramai dan kekal relevan di pasaran.

"Sudah hampir empat tahun mengusahakan



USAHAWAN muda kelahiran Kedah ini mampu berbangga dengan barisan produk yang dihasilkan daripada tanaman hasil tani keuarga syarikatnya.

perniagaan ini, saya sentiasa menganggap cabaran dalam menghasilkan minimum produk hasil tani adalah bidang yang sangat menguji kemampuan.

"Bila kita pilih untuk berniaga, kena pekakkan telinga untuk melakukan apa yang kita mahu capai. Kalau jatuh atau produk tidak dapat sambutan, kita tetap kena teruskan dan jangan berputus asa.

"Jangan sesekali mengalah jika belum mencapai sasaran yang kita mahu. Insya-Allah, bila kita usaha mesti akan ada hasilnya nanti," katanya.

Selain itu, persaingan sihat daripada peniaga lain juga menyebabkan Nur Maisarah Shahirah lebih bersemangat

dalam menjana idea lebih baik untuk menarik minat pelanggan.

Kemahiran yang dikecapi dalam perniagaan ini katanya, adalah apabila mendapat maklum balas positif daripada pelanggan yang berpuas hati hingga mendaftar sebagai pedagang.

"Lebih penting, kedua-dua produk ini juga dapat membantu lebih ramai peniaga lain meraih pendapatan sampingan daripada hasil jualan.

"Lebih manis apabila ramai ejen memasarkan produk ini, selain suri rumah, pelajar juga kini sudah ada duit poket sendiri dengan menjadi pedagang jus minuman keluaran syarikat bumiputera Muslim," katanya.

NUR MAISARAH SHAHIRAH memasang visi untuk melahirkan lebih ramai usahawan yang mampu menjana pendapatan sendiri.